



اُيْتِمُ تِكْنُولُوجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025

U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا

JPK COLOUR RUN

Nurul Izzati Abd Halim Pahmi, Nur Husna Hazirah Mohd Ismail & Nor Syamaliah Ngah



30 November 2024 (Sabtu), Menyedari kepentingan gaya hidup sihat dan hubungan silaturahim yang erat, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) UiTM Seremban telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan satu program yang dinanti-nantikan iaitu "JPK Colour Run", sebuah acara larian di sekitar UiTM Seremban. Program ini telah diadakan di UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban.

Penganjuran JPK Colour Run ini bertujuan untuk menggalakkan pelajar dan warga kampus menyertai aktiviti fizikal dalam suasana yang santai dan ceria. Program ini juga diharapkan dapat memperkukuhkan hubungan silaturahim antara pelajar dari pelbagai fakulti dan latar belakang. Selain itu, melalui program ini, kesedaran mengenai kepentingan kesihatan dan kecergasan dalam kalangan pelajar dapat ditingkatkan.



Program ini dimulakan dengan sesi pemanasan badan dan senamrobik dengan penuh semangat. Para peserta berkumpul di Marque Tent seawal jam 7 pagi, di mana mereka disambut dengan muzik yang rancak dan bertenaga. Sesi senamrobik ini dikendalikan oleh jawatankuasa program untuk memastikan setiap peserta dapat memanaskan badan dengan baik sebelum memulakan larian. Aktiviti ini bukan sahaja membantu meningkatkan kecergasan fizikal tetapi juga mencipta suasana yang ceria dan penuh semangat.

Selepas sesi senamrobik, peserta memulakan larian sejauh 3km di sekitar kawasan kampus. Luan larian telah ditandakan dengan jelas dan disertai dengan beberapa stesen untuk memastikan peserta berada di luan yang betul sepanjang larian. Larian ini bukan sahaja menguji ketahanan fizikal peserta tetapi juga memberikan peluang kepada mereka untuk menikmati keindahan landskap kampus yang hijau dan terjaga rapi.



Selepas sesi larian ditamatkan, tibalah di salah satu sesi yang paling dinantikan dalam program ini iaitu penggunaan serbuk warna-warni. Peserta diberikan serbuk warna-warni yang akan dilemparkan sesama mereka. Setiap peserta kelihatan gembira dan teruja, dengan wajah dan pakaian mereka dipenuhi dengan pelbagai warna ceria. Aktiviti ini bukan sahaja menambah keceriaan tetapi juga mengeratkan

hubungan antara peserta, kerana mereka saling membantu dan bersorak antara satu sama lain.



Program ini berjaya menarik penyertaan yang ramai dan mencipta suasana yang meriah serta penuh warna-warni. Ia juga mencapai objektifnya untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan mengeratkan hubungan antara pelajar. Pihak penganjur mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat, termasuk peserta, ahli jawatankuasa, dan staf residen kolej, yang menjayakan program ini. Diharapkan program ini dapat diteruskan pada masa hadapan sebagai acara tahunan yang dinanti-nantikan oleh semua warga kampus.